

DATE: 02/09/2007

Sambutuan tanda rakyat hargai nikmat merdeka

BH- 2/9/2007

Masyarakat berhak gembira atas kejayaan, pembangunan negara: PM

Oleh Wan Jailani Razak
dan Azrina Ahzan

SHAH ALAM: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata perayaan sempena Hari Kemerdekaan ke-50 negara dengan kemuncak sambutan yang diadakan di seluruh negara kelmarin bukan untuk menunjuk sombong tetapi ia tanda rakyat menghayati, menghargai dan mensyukuri nikmat Allah kepada negara.

Malah kata Perdana Menteri, beliau sudah menyampaikan lebih 40 ucapan sejak dua minggu lalu, yang semua inti patinya mengenai kemerdekaan serta kejayaan yang dicapai rakyat dan negara.

"Kita orang Islam, orang Umno fahamlah. Kita sentiasa berikhtiar dan takdirnya ditetapkan oleh Allah. Kita tentu sekali berasa amat bersyukur kerana ikhtiar kita sudah menghasilkan banyak kemajuan bagi negara dan rakyat.

"Jadi, kita berhak gembira dan bersyukur atas segala kejayaan yang kita peroleh. Kita tahu ada rakyat bersama dengan kita untuk membangunkan negara," katanya ketika merasmikan penutupan Kejohanan Golf Umno bagi merebut Piala Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Glenmarie Golf & Country Club di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalannya, Datuk Seri Najib Razak dan dua Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin serta Datuk Seri Mohd Ali Rustam; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo; Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid dan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Azalina Othman Said.

Perdana Menteri kemudian menyampaikan piala dan hadiah barangan bernilai RM25,000 kepada juara



BERSATU: Abdullah bersama (dari kiri), Mahdzir, Muhyiddin, Mohd Ali, Azalina; Pengerusi Jawatankuasa Kejohanan Golf Umno Malaysia, Jalaluddin Alias dan Dr Mohamad Khir memotong kek di Glenmarie Golf & Country Club, semalam.

pasukan negeri dari Umno Selangor, yang muncul hatrik kejohanan itu.

Perak yang muncul naib juara membawa pulang hadiah barangan bernilai RM20,000, manakala Wilayah Persekutuan di tempat ketiga, dengan hadiah bernilai RM15,000.

Ashaari Mustapha dari Wilayah Persekutuan memenangi hadiah kereta Mini Cooper S berharga kira-kira RM230,000 selepas berjaya melakukan 'hole-in-one'.

Seramai 130 peserta mewakili 13 Badan Perhubungan Umno negeri menyertai pertandingan itu.

Sementara itu ketika berucap pada konsert amal, The Seri Perdana Soriee 2007, di Seri Perdana, di Putrajaya, malam tadi, Abdullah menga-

lu-alukan usaha pihak penganjur mengadakan konsert amal bagi membiayai program pemuliharaan warisan dan budaya rakyat negara ini, iaitu wayang kulit dan teater.

Abdullah dan isteri, Datin Seri Je-

anne Abdullah bersama kira-kira 800 tetamu termasuk duta dan diplomat asing hadir menyaksikan konsert yang menampilkan penyanyi jazz terkenal, George Benson dan Al Jarreau, selain pelajar dari Sekolah Seri Cempaka.

Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Azalina Othman Said; Pengerusi jawatankuasa penganjur, Datin Azrene Abdullah; Pengerusi Penyayang, Nori Abdullah dan suami, Khairy Jamaluddin.

“ Kita tahu ada rakyat bersama kita membangunkan negara”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri